

Struktur dan Unsur Metafora dalam Puisi Invokasi *Biau* Masyarakat Iban

Jessica Dato¹, Rosline Sandai², Saripah Banseng^{2*}, Sabariah Sulaiman², Mohd. Rashid Md Idris² dan Taufik Dermawan³

¹Semop Secondary School, 96200 Daro, Sarawak, Malaysia

²Department of Malay Language and Literature, Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, 359000 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

³Department of Indonesian Languages and Literature, Malang State University, 65145 Malang, Indonesia

ABSTRAK

Biau (doa) merupakan puisi tradisional invokasi masyarakat Iban yang dilafazkan semasa upacara persembahan sajian atau *miring* untuk menyeru dan memohon keberkatan Petara (dewa-dewi). Kajian ini bertujuan mengenal pasti struktur lapisan bahasa dan unsur yang membentuk metafora dalam puisi tradisional *biau*. Berasaskan pendekatan kualitatif, kaedah tinjauan secara deskriptif digunakan untuk mengkaji tiga buah puisi *biau* iaitu *Biau Piring Bedara* (Doa Persembahan Sajian Korban), *Biau Piring Gawai Tuah* (Doa Persembahan Sajian Perayaan Gawai Tuah) dan *Biau Piring* (Doa Persembahan Sajian) yang diambil daripada buku *Sampi Enggau Biau*. Data dalam kajian ini dianalisis menggunakan pengkodan terbuka dan substantif. Dapatan kajian menunjukkan seruan pembukaan, bertabik dan struktur pengenalan diri diucapkan sebagai pengenalan dalam *biau*. Dalam bahagian isi pula, lapisan bahasa yang digunakan ialah tujuan, seruan, pernyataan persembahan sajian (*piring*) dan suruhan. Puisi *biau* diakhiri oleh doa restu. Unsur yang membentuk metafora dalam struktur *biau* pula terdiri daripada flora dan fauna, benda bukan hidup dan alam semula jadi yang disesuaikan dengan kehidupan masyarakat Iban.

Kajian ini berupaya mengekalkan budaya, adat dan tradisi dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Generasi muda juga dapat menimba pengetahuan baharu dan mengasah kepakaran pengamal ritual sedia ada dalam melafazkan puisi tradisional.

Kata kunci: *Biau*, lapisan bahasa, masyarakat Iban, puisi tradisional, unsur metafora

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 08 October 2021

Accepted: 23 February 2022

Published: 06 July 2022

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.3.11>

E-mail addresses:

jessicaajik@gmail.com (Jessica Dato)

rosline@fbk.upsi.edu.my (Rosline Sandai)

bsaripah@fbk.upsi.edu.my (Saripah Banseng)

sabariah.sulaiman@fbk.upsi.edu.my (Sabariah Sulaiman)

rashid@fbk.upsi.edu.my (Mohd. Rashid Md Idris)

taufik.dermawan.fs@um.ac.id (Taufik Dermawan)

* Corresponding author

The Structure and Elements of Metaphor in the Invocation Poem of Biau of the Iban People

ABSTRACT

Biau (prayer) is a traditional poem of invocation of the Iban people recited during an offering ceremony or miring to call and request for the blessings of Petara (Gods). This study aimed to identify the structure of language and the elements of metaphors in biau. The qualitative approach, specifically the descriptive exploratory method, was employed to study three pieces of biau, namely Biau Piring Bedara (Sacrifice Offer Prayer), Biau Piring Gawai Tuah (Gawai Tuah Festival Presentation Prayer) and Biau Piring (Presentation Prayer) taken from the book Sampi Enggau Biau. The retrieved data were analyzed using open and substantive codings. The study showed that initial invocations, salutations and self-declaration were among the structures used to introduce biau. The structures within the poem's body part include the sense of purpose, calling, offering (piring) and commanding. The biau is ended with prayers for blessings. Of such, elements that form the metaphors in the biau structure consist of flora and fauna, non-living things and nature, which are closely adapted to the life of the Iban community. This study helps preserve the culture, customs and traditions among the Iban community in Sarawak. The younger generation, including the ritual practitioners, will be able to increase their knowledge and sharpen their existing skills in reciting such traditional poems.

Keywords: Biau, elements of metaphor, Iban community, strata of language, traditional poem

PENGENALAN

Masyarakat Iban merupakan kaum majoriti di Sarawak dan kumpulan etnik yang mempunyai budaya serta adat tradisi yang diturunkan daripada nenek moyang secara lisan (Buma, 1987). Tradisi lisan masyarakat Iban amat menitikberatkan kepercayaan kepada *Petara* (dewa-dewi) kerana *Petara* dapat memberikan kesejahteraan hidup kepada mereka (Masing, 1981; Sandin, 1980). *Biau* merupakan puisi tradisional masyarakat Iban dalam kategori invokasi. Invokasi merupakan permohonan, biasanya kepada Tuhan, untuk mendapatkan pertolongan ataupun perlindungan

(Showren, 2014). *Biau* digunakan dalam upacara kesyukuran untuk meminta keberkatan (Saleh & Ensiring, 2001). Selain itu, *biau* digunakan untuk mengalu-alukan kedatangan tetamu yang datang ke rumah panjang bagi mengelakkan malapetaka berlaku melalui mimpi ataupun burung *Khinatan* (Masing, 1981).

Biau disampaikan melalui upacara *miring*. Gambaran tentang kosmos dapat dihubungkan dengan persembahan sajian (*piring*) yang diamalkan oleh masyarakat Iban (Zeppel, 1994). *Piring Bedara* ialah upacara ritual bagi masyarakat Iban. *Bedara* ialah upacara ritual korban untuk mengutuskan permintaan kepada *Bunsu*

Petara iaitu golongan dewa-dewi (Masing, 1981). *Piring Gawai Tuah* pula ialah persembahan sajian diiringi oleh *biau* untuk *Petara Anda Mara* (Dewa Kekayaan) manakala *Biau Piring* ialah upacara *miring* kepada *Petara* (dewa-dewi) masyarakat Iban seperti *Senggalang Burung*, *Raja Sempulang Gana* dan *Selampandai*.

Pernyataan Masalah

Biau (doa) merupakan amalan dan kepercayaan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Iban untuk memohon keberkatan dan kesejahteraan hidup di rumah panjang. Namun demikian, perubahan kepercayaan moden telah mengubah kepercayaan tradisi kaum Iban (Asmah Omar, 1981) dan menjadikan amalan ini semakin terpinggir. Selain itu, pemikiran kaum Iban turut berubah selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan sejak penjajahan Barat yang akhirnya menolak kepercayaan tradisi (Jabu, 1989). Perubahan ini menjadikan generasi muda menghadapi kesukaran dalam memahami maksud yang terdapat dalam *biau* (Sandai, 2015). Kesukaran ini berlanjutan sehingga ke peringkat pendidikan secara formal apabila puisi tradisional Iban diperkenalkan dalam kurikulum bahasa Iban (Sandai et al., 2019). Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti struktur dan unsur metafora dalam *biau*.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i) mengenal pasti lapisan bahasa yang

membentuk struktur dalam puisi invokasi *biau*.

- ii) menganalisis unsur yang membentuk metafora dalam puisi invokasi *biau*.

Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, terdapat beberapa persoalan yang ingin dikupas. Persoalan khusus kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i) Apakah lapisan bahasa yang membentuk struktur dalam puisi invokasi *biau*?
- ii) Bagaimanakah unsur membentuk metafora dalam struktur puisi invokasi *biau*?

Tinjauan Literatur

Lakoff dan Johnson (1980) dalam teori linguistik kognitif mengetengahkan bahawa gaya bahasa meliputi satu domain (*target domain*) untuk disampaikan kepada hubungan domain lain (*source domain*). Perkara ini mempengaruhi pola pemikiran manusia yang mempelajari bahasa dari pelbagai perspektif dengan mengkaji corak konseptualnya. Oleh itu, sebahagian besar teorinya berasaskan kepada pelbagai konsep psikologi seperti psikologi persepsi, psikologi kognitif, dan psikologi gestalt (Evans & Green, 2006). Begitu juga dengan kajian ini, struktur lapisan bahasa dalam pelafazan puisi invokasi *biau* yang disampaikan oleh *Lemambang* (pengamal ritual) lahir daripada pemikiran kognitif yang dimiliki oleh beliau dengan kepakaran dan kebolehan yang ada.

Struktur ialah cara mempersembahkan sesuatu perkara yang terbina atau dibentuk melalui pelbagai bahagian, aspek atau unsur supaya dapat membentuk suatu sistem atau pola (Aminuddin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2019). Maka, lapisan bahasa dalam kajian ini mewujudkan sistem struktur yang terdapat dalam *biau*. Lapisan bahasa ini membentuk tiga bahagian utama iaitu pengenalan, isi dan penutup *biau*. Banseng et al. (2021) telah melakukan analisis lapisan bahasa bagi puisi invocasi *sampi* masyarakat Iban. Lapisan bahasa tersebut dijadikan panduan dalam dapatan kajian ini terutamanya melibatkan pembentukan struktur *biau*. Berdasarkan struktur tersebut, muncul bahasa-bahasa klasik yang melengkapkan keindahan bahasa puisi. Kebanyakan bahasa dalam puisi tradisional Iban bersifat kiasan. Bahasa kiasan digunakan untuk menyampaikan mesej dalam puisi tradisional Iban supaya penyampaiannya lebih menarik dan menunjukkan kesopanan semasa menyampaikan mesej kepada *Petara* (Banseng & Sandai, 2017). Bahasa kiasan ini juga dikenali sebagai metafora.

Dalam pada itu, kajian yang dilakukan oleh Haron Daud (2001) tentang mantera di Nusantara juga mengupas tentang pembentukan kata-kata dan ayat. Mantera ialah puisi tradisional yang dikatakan mempunyai hubungan dengan makhluk ghaib. Teks pengucapan mantera digunakan untuk menyatakan sesuatu atau menyampaikan tujuan. Berdasarkan bentuk mantera, terdapat kerangka binaan iaitu permulaan, bertabik, pernyataan atau

pendakwaan diri, seruan, suruhan dan penutup. Bahasa yang digunakan dalam mantera terdiri daripada diksi dan bahasa figuratif (kiasan). Selain itu, kajian makna yang dilakukan Yadafle et al. (2020) terhadap puisi di Indonesia juga menunjukkan penggunaan bahasa kiasan dalam mantera yang mempunyai unsur puisi seperti rima dan irama yang dianggap mengandungi kekuatan kuasa ghaib.

Asmah Omar (2005) menjelaskan definisi metafora tidak hanya terbatas sekadar bunga-bunga bahasa atau bahasa yang indah tetapi lebih dalam daripada pengertian itu. Metafora merupakan penggunaan kata untuk menghasilkan maksud lain daripada maksud tersirat (Rahman Shaari, 1993). Bagi Keris Mas (1988) pula, bahasa metafora ialah kiasan yang digunakan untuk menjelaskan konsep abstrak dengan menggunakan konsep konkrit. Namun, idea yang digunakan dalam kiasan ialah satu konsep yang sukar untuk didefinisikan. Unsur metafora yang digunakan dalam puisi bertujuan mengekspresikan pemikiran dan luahan perasaan kepada pendengar (Akastangga, 2020). Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Indaty et al. (2018) yang meneliti struktur dan fungsi bahasa yang terdapat dalam puisi. Dapatan menunjukkan sebahagian puisi lisan tersebut menggunakan gaya bahasa seperti simile, metafora, personifikasi dan hiperbola.

Dalam kajian ini, metafora merupakan unsur bahasa kiasan yang digunakan oleh *Lembang* (pengamal ritual) merangkumi unsur flora dan fauna, benda bukan hidup dan alam semula jadi. Unsur flora dan

fauna ialah benda yang bernyawa dan saling berinteraksi antara satu sama lain untuk meneruskan kelangsungan hidup seperti pokok, haiwan, tumbuhan dan manusia termasuklah unsur alam semula jadi. Manakala, unsur bukan hidup pula terdiri daripada benda atau alat yang dibuat dan dihasilkan oleh manusia seperti besi, baju dan jam tangan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif secara deskriptif. Kajian kualitatif digunakan untuk menerangkan secara mendalam bagi mencapai sesuatu objektif penyelidikan (Othman Lebar, 2017). Data kajian ini diambil daripada sebuah buku iaitu buku *Sampi enggau Biau* disusun oleh Robert Menua Saleh dan Janang Ensiring (2001). Terdapat tiga buah *biau* yang dipilih iaitu *Biau Piring Bedara* (Doa Persembahan Sajian Korban), *Biau Piring Gawai Tuah* (Doa Persembahan Sajian Perayaan Gawai Tuah) dan *Biau Piring* (Doa Persembahan Sajian). Kajian ini hanya terhad kepada tiga buah puisi tradisional *Biau* iaitu *Biau Piring Bedara* (Doa Persembahan Sajian Korban), *Biau Piring Gawai Tuah* (Doa Persembahan Sajian Perayaan Gawai Tuah) dan *Biau Piring* (Doa Persembahan Sajian). Data sekunder ini digunakan kerana upacara ritual yang melafazkan *biau* semakin berkurangan. Bagi mengesahkan lapisan bahasa yang dianalisis, seorang *Lemambang* (pengamal ritual) dijadikan sebagai pakar rujuk.

Data dianalisis menggunakan pengekodan terbuka dan substansif. Kaedah

pengekodan terbuka digunakan untuk mengenal pasti struktur lapisan bahasa dalam puisi invokasi *biau*. Manakala, unsur yang membentuk metafora menggunakan kaedah pengekodan substansif. Bahasa kiasan tersebut diklasifikasikan kepada unsur alam dan bukan alam (Cameron & Low, 1999). Selain itu, bahasa kiasan metafora menggabungkan sesuatu objek berdasarkan pengaruh alam sekeliling yang disesuaikan dengan benda hidup dan bukan hidup (Deignan, 2005). Oleh itu, kajian ini menganalisis benda hidup, benda bukan hidup dan alam semula jadi yang terdapat dalam bahasa kiasan metafora.

Pengekodan terbuka dilakukan melalui data teks *biau* yang telah diterjemahkan oleh *Lemambang*. Semasa melakukan pengekodan terbuka, data dianalisis dengan mengenal pasti dan menandakan teks *biau* kepada tiga bahagian iaitu struktur lapisan bahasa, jenis ayat dan unsur membentuk metafora dalam puisi invokasi *biau*. Setelah data ditandakan mengikut bahagian tertentu, barulah pengekodan substansif dilakukan. Fasa ini melibatkan kerja-kerja memecahkan dan mengkategorikan teks *biau* mengikut aspek tertentu berdasarkan senarai semak iaitu struktur lapisan bahasa, jenis ayat dan unsur membentuk metafora. Kerangka senarai semak yang digunakan diadaptasi daripada kajian Banseng dan Sandai (2017) yang berdasarkan Teori Linguistik Kognitif. Aspek lapisan bahasa kiasan dan jenis ayat diteliti untuk mengenal pasti pembentukan struktur gaya bahasa dalam pelbagai bidang (Lakoff & Johnson, 1980). Oleh itu, kerangka tersebut diselarikan dengan

objektif yang ingin dikaji iaitu analisis lapisan bahasa dan unsur metafora dalam puisi invocasi *biau*.

DAPATAN KAJIAN


Lapisan Bahasa dalam Pembentukan Struktur Biau

Kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa lapisan bahasa yang membentuk tiga bahagian utama dalam struktur *biau*. Ketiga-tiga buah *biau* yang dikaji menunjukkan lapisan bahasa yang sama. Ringkasan struktur lapisan bahasa tersebut ditunjukkan menerusi Rajah 1.

Lapisan Bahasa dalam Bahagian Pengenalan *Biau*. Terdapat tiga lapisan bahasa dalam pengenalan *biau* iaitu seruan pembukaan, bertabik dan pengenalan diri. Seruan pembukaan dalam *biau* didapati menggunakan laungan “*Oha!*” sebanyak tiga kali dan penggunaan bilangan “*Sa!*

Dua! Tiga! Empat! Lima! Nam! Tujuuh!” untuk memanggil *Petara* (dewa-dewi). Bertabik ialah ucapan hormat kepada *Petara*. Bertabik dimulai dengan penggunaan ayam jantan sebagai lambang penghormatan dan kata alu-aluan kepada *Petara*. Lapisan bahasa ini didapati dalam ketiga-tiga *biau* yang dikaji seperti Jadual 2. Bagi pengenalan diri pula, *Lembang* membuat pengakuan kepada *Petara* tentang pengamalan ritual yang dilakukannya diiringi oleh puisi invocasi *biau* (doa) seperti *ningatkan adat* (mengingatkan adat tradisi) dan *pengawa asal kami* (perbuatan turun temurun). Jadual 1 menunjukkan dapatan yang diperoleh dalam pengenalan *biau*.

Lapisan Bahasa dalam Bahagian Isi *Biau*. Bagi bahagian isi *biau* pula, lapisan bahasa terdiri daripada tujuan, seruan, persembahan sajian (*piring*) dan suruhan. Tujuan dinyatakan secara langsung iaitu



Rajah 1. Struktur lapisan bahasa dalam puisi tradisional Biau

Jadual 1

Lapisan bahasa dalam bahagian pengenalan puisi tradisional Biau

Lapisan Bahasa	Biau	Contoh
Seruan	<i>Biau Piring</i>	<i>Oha! Oha! Oha!</i> (Terjemahan: Laungan Oha sebanyak tiga kali)
	<i>Bedara</i>	<i>Oha! Oha! Oha!</i> (Terjemahan: Laungan Oha sebanyak tiga kali)
	<i>Biau Piring</i> <i>Gawai Tuah</i>	<i>Sa! Dua! Tiga! Empat! Lima! Nam! Tuujuuh!"</i> (Terjemahan: Laungan penggunaan bilangan nombor satu sehingga tujuh)
Bertabik	<i>Biau Piring</i>	<i>Peda kita bulu manuk ke dipegai aku tu nyau nyelalai iku beiku besi</i> (Terjemahan: Lihatlah bulu ayam yang kupegang ini aneh sekali ekornya berekor besi)
	<i>Bedara</i>	<i>Iku manuk kelabu nyau merundu umba rumbai</i> (Terjemahan: Ekor ayam kelabu melambai-lambai)
		<i>Kaki manuk serama baka ke nemu nanya kita ke besaruk duduk langgung berintai</i> (Terjemahan: Kaki ayam serama seolah-olah menyapa kalian yang duduk berhimpun berbaris)
		<i>Tu kena aku miau kita duduk bekedugau berintai</i> (Terjemahan: Ini yang kuguna untuk merestui dan memberkati kalian yang duduk berbaris)
	<i>Biau Piring</i>	<i>Laban aku ke miau piring tu enggau manuk biring manuk menaning</i> (Terjemahan: Sebab aku yang mendoakan sajian persembahan ini dengan ayam jantan tiada cela)
	<i>Gawai Tuah</i>	<i>Manuk labang sematung tapang</i> (Terjemahan: Ayam jantan yang bulunya semua putih)
		<i>Manuk jelayan manuk ensiriban</i> (Terjemahan: Ayam jantan berbulu hitam keperangan)
		<i>Manuk papit manuk kunchit</i> (Terjemahan: Ayam jantan bercorak hitam keperangan dan putih)
		<i>Manuk engkechung manuk tuntung</i> (Terjemahan: Ayam berbulu hitam bercampur putih)
		<i>Manuk banda manuk bekaka</i> (Terjemahan: Ayam berbulu putih bercampur coklat)
Pengenalan diri	<i>Biau Piring</i>	<i>Aku miau manuk biring manuk menaning</i> (Terjemahan: Aku mendoakan dengan ayam jantan tiada cela)
	<i>Bedara</i>	<i>Sematung tapang manuk pabang</i> (Terjemahan: Ayam jantan yang bulunya semua putih)
		<i>Ijau belalat tuntung rapat burik leka tuntung belaja</i> (Terjemahan: Ayam berbulu putih bercampur hitam)
		<i>Burik leka tuntung belaja labang lebus engkechung terus</i> (Terjemahan: Berbintik biji beracun dan berbulu coklat bercampur putih)
		<i>Berani mih aku tu baka besi sepuh laja</i> (Terjemahan: Beranilah aku ini seperti besi direndam racun)
		<i>Nyulur mih aku tu baka paku ke tumbuh enda dibaja</i> (Terjemahan: Suburlah aku seperti paku pakis tidak dibaja)
		<i>Pang mih aku tu baka kepayang rendam selama</i> (Terjemahan: Berbau pahitlah aku seperti kepayang direndam semalaman)

Jadual 1 (sambungan)

Lapisan Bahasa	Biau	Contoh
Pengenalan diri	<i>Biau Piring Bedara</i>	<i>Besumbuk mih aku tu baka kantuk daun rinda</i> (Terjemahan: Tumbuh suburlah aku seperti pucuk berdaun lebat) <i>Baka ke mansang deka surut baka ke duduk enda kekebut</i> (Terjemahan: Seperti ke depan hendak berundur, seperti duduk tidak bergerak)
	<i>Biau Piring Gawai Tuah</i>	<i>Aku tu ngingatka adat pungkal Rentap</i> (Terjemahan: Aku mengingat adat terdahulu Rentap) <i>Nunda adat bai aki kitai simpilaki Bejuri</i> (Terjemahan: Mengikuti adat datuk kita Simpi suami Bejuri)
	<i>Biau Piring</i>	<i>Sida Ragai Lang enggau Peter Nyaruk datai ditu</i> (Terjemahan: Mereka Ragai Lang dan Peter Nyaruk datang di sini)

untuk memberkati persembahan sajian (*piring*) yang disediakan semasa ritual. Perkataan yang biasa digunakan oleh *Lemambang* untuk menunjukkan tujuan adalah seperti *tu kena aku miau* (ini yang aku gunakan untuk merestui doa), *udah biau aku* (sudah aku lafazkan), *laban aku ke miau* (sebab aku hendak melafazkan doa) dan *kebuah aku ke miau tu* (tujuan aku melafazkan doa ini). Seruan pula digunakan untuk menyeru *Petara* dan menyeru semua yang hadir ke ritual tersebut. Persembahan

sajian (*piring*) turut dinyatakan oleh *Lemambang* bagi menyempurnakan upacara ritual tersebut. Sajian yang disediakan adalah seperti buah pinang, daun sirih, ketupat, rokok daun nipah, telur ayam, bertih beras dan kuih penyaram serta bahan lain. *Lemambang* juga menggunakan bahasa suruhan untuk menyeru kuasa *Petara* memberkati persembahan sajian (*piring*) yang disediakan. Dapatan lapisan bahasa yang terdapat dalam bahagian isi *biau* dinyatakan dalam Jadual 2.

Jadual 2
Lapisan bahasa dalam bahagian isi puisi tradisional Biau

Lapisan Bahasa	Biau	Contoh
Tujuan	<i>Biau Piring Bedara</i>	<i>Tu kena aku miau kita duduk bekedugau berintai</i> (Terjemahan: Ini yang kuguna mendoakan kalian yang duduk berhimpun berbaris) <i>Miau sida ke nemiak enggau sida ke tuai</i> (Terjemahan: Mendoakan yang muda dan tua)
	<i>Biau Piring Gawai Tuah</i>	<i>Laban aku ke miau piring tu enggau manuk biring manuk menaning</i> (Terjemahan: Kerana aku mendoakan persembahan sajian dengan ayam jantan tiada cela)
	<i>Biau Piring</i>	<i>Kebuah aku ke miau tu</i> (Terjemahan: Sebab aku mendoakan ini) <i>Laban ngayanka ading ngayanka piring</i> (Terjemahan: Sebab aku telah menyediakan sajian persembahan lengkap)

Jadual 2 (sambungan)

Lapisan Bahasa	Biau	Contoh
Seruan	<i>Biau Piring Bedara</i>	<i>Nya alai sida ke mit diatu enti besai ila kada enda sida iya enti besekula tau pandai</i> (Terjemahan: Oleh itu, mereka yang muda diharapkan jika bersekolah menjadi pandai.)
		<i>Pangkat besai megai kitai tulihka lubang pengelantang</i> (Terjemahan: Pangkat tinggi bersama kita mendapatkan lubang kesenangan)
	<i>Biau Piring Gawai Tuah</i>	<i>Dulu aku ngangauka Endu Dara Menti</i> (Terjemahan: Terdahulu aku menyeru Ratu Dara Menti)
		<i>Ke bediri tenjik-tenjik bunsu lamba tiang medang</i> (Terjemahan: Yang berdiri tegak ratu tiang segala tiang)
		<i>Dara lampah mua bunsu tangga tuchum ketawa laka dikengkang</i> (Terjemahan: Dewi berwajah indah ratu tangga segala tangga tersenyum ketawa)
		<i>Kumang Dayang Jinap pagi chelap lemai angkat bunsu atap lading gerunggang</i> (Terjemahan: Entiti Ratu Dayang Jinap pagi sejuk petang panas ratu atap segala atap)
	<i>Biau Piring</i>	<i>Kumang Sedai Dara pandai bunsu pintu ke bedaru bandir tapang</i> (Terjemahan: Entiti Ratu Sedai Dara pandai ratu pintu segala pintu)
		<i>Endu Kumang Dayang Jawai bunsu tikai pandan bekuang</i> (Terjemahan: Entiti Ratu Dayang Jawai ratu tikar segala tikar pandan)
		<i>Laban aku ka ngangauka Nawi ke bediri tenjik-tenjik</i> (Terjemahan: Kerana aku menyeru Nawi yang berdiri tegak)
		<i>Bunsu Lamba Tiang Medang</i> (Terjemahan: Ratu tiang segala tiang)
Persembahan sajian (<i>piring</i>)	<i>Biau Piring Bedara</i>	<i>bunsu leka pinang belubang</i> (Terjemahan: ratu buah pinang berlubang)
		<i>Kumang Santih Dara Milih bunsu sirih betumbuk takang</i> (Terjemahan: Entiti Ratu Santih Dara Milih ratu sirih segala sirih menjalari pokok)
		<i>bunsu kapu kerubung kerang</i> (Terjemahan: Raja kapur cangkerang kerang)
		<i>bunsu daun semakau dagang</i> (Terjemahan: Raja daun tembakau dagang)
	<i>Biau Piring Gawai Tuah</i>	<i>bunsu daun ruku apung nyemilang</i> (Terjemahan: Raja daun rokon nipah gemilang)
		<i>Laban ngayanka ading ngayanka piring</i> (Terjemahan: Sebab menghidangkan sajian persembahan piring)
		<i>Piring pulut piring letup piring penganan piring penyaram</i> (Terjemahan: Sajian nasi pulut sajian bertih padi sajian kuih penganan sajian kuih penyaram)
		<i>Nya alai nuan Kumang Mantah Dara Bungah</i> (Terjemahan: Oleh itu, engkau Ratu Mantah Dara Bungah)
		<i>Bunsu buah pinang belubang</i> (Terjemahan: Ratu buah pinang berlubang)
		<i>Tumu pagi bejeluti jaku bungah</i> (Terjemahan: Awal pagi bergurau senda)

Jadual 2 (sambungan)

Lapisan Bahasa	Biau	Contoh
	<i>Biau Piring Gawai Tuah</i>	<i>Berandau enggau ambai di Kachit Mangah empelah ke ampah pun rang</i> (Terjemahan: Berbual dengan kekasihmu <i>Kachit Mangah</i> terlalu seronok ke tulang pipi) <i>Kumang Lemuk Dara Gauk</i> (Terjemahan: Ratu <i>Lemuk Dara Gauk</i>) <i>Bunsu sirih siduk betumbuk pun takang</i> (Terjemahan: Ratu sirih segala sirih menjalari pokok) <i>Tumu pagi bejeluti jaku subuk</i> (Terjemahan: Awal pagi berbisik)
	<i>Biau Piring</i>	<i>Laban ngayanka ading ngayanka piring</i> (Terjemahan: Sebab menyediakan sajian persembahan) <i>Piring pulut piring letup</i> (Terjemahan: Sajian piring nasi pulut dan bertih padi) <i>Piring penganan piring penyaram</i> (Terjemahan: Sajian kuih <i>penganan</i> sajian kuih penyaram)
Suruhan	<i>Biau Piring Bedara</i>	<i>Kita nya orang simbai bunsu sempandai datai ari tatai balai nyabung</i> (Terjemahan: Kalian orang ternama saudara entiti <i>sempandai</i> datang dari balai laga ayam) <i>Embing bunsu telanjing datai ari tekenching panchur wong laban kita nya betuaika sawa tampung tedung</i> (Terjemahan: Entiti <i>Embing</i> datang dari air terjun sebab kalian diketuai ular sawa separuh tedung) <i>Ari kaban besilih jari enggau Renggan seduai Tutong Tuai orang di Gelong Batu Besundang</i> (Terjemahan: Dari saudara salaman jari dengan Renggam dan Tutong ketua orang di Gelong Batu Besundang)
	<i>Biau Piring Gawai Tuah</i>	<i>Laban kita kena idang aku nganti pengabang sigi dirintaika aku nganti temuai</i> (Terjemahan: Sebab kalian dihidangkan aku menunggu tetamu memang disenaraikan menunggu pelawat) <i>Sida ke ninga pesau ninga kangau ninga padah ninga tunggah kami sehari tu</i> (Terjemahan: Mereka yang mendengar seruan mendengar panggilan mendengar laungan mendengar undangan kami hari ini) <i>Kita tu mih asuh kami bisa asuh kami landa</i> (Terjemahan: Kalianlah disuruh kami berbisa disuruh kami berpengaruh.) <i>Asuh kami ngasi asuh kami sidi di jari lepa dua</i> (Terjemahan: Disuruh kami sakti disuruh kami ajaib di jari tapak dua)
	<i>Biau Piring</i>	<i>Nya alai kita diau ditu</i> (Terjemahan: Oleh itu, kamu di sini.) <i>Laban kita endang ngintai temuai datai diadang nganti pengabang</i> (Terjemahan: Sebab kamu memang mengintai tetamu datang diharapkan menunggu pelawat) <i>Ninga tesau ninga kangau kami seharitu</i> (Terjemahan: Dengar seruan dengar panggilan kami hari ini) <i>Nya alai kita endang empu pengawa empu kerja</i> (Terjemahan: Oleh itu, kalian yang menganjurkan upacara kerja)

Jadual 2 (sambungan)

Lapisan Bahasa	Biau	Contoh
	<i>Biau Piring</i>	<p><i>Nya alai ke diatu dih</i> (Terjemahan: Oleh itu, sekaranglah) <i>Kita tu meh asuh kami bisa asuh kami landa</i> (Terjemahan: Kalianlah disuruh kami berbisa disuruh kami berpengaruh) <i>Ke peduman ke jematan</i> (Terjemahan: Menjadi pedoman jambatan) <i>Ke titi ke panti antu ke ninga sada</i> (Terjemahan: Menjadi titi penghubung entiti yang mendengar doa)</p>

Lapisan Bahasa dalam Bahagian Penutup Biau. Pada bahagian penutup pula ialah doa restu. *Lemambang* akan menutup persembahan sajian (*piring*) dengan melafazkan penutupan puisi invocasi *biau* (doa) untuk meminta *Petara* memberikan kesejahteraan hidup, kekayaan, kesihatan dan panjang umur. Jadual 3 merupakan struktur lapisan bahasa dalam puisi invocasi *biau*.

Sebagai rumusan, struktur yang terdapat dalam ketiga-tiga *biau* yang dikaji adalah sama pada ketiga-tiga bahagian utama iaitu pengenalan, isi dan penutup. Pada bahagian pengenalan, lapisan bahasa yang terdapat dalam ketiga-tiga *biau* ialah seruan pembukaan, bertabik dan pengenalan diri. Seruan pembukaan dalam *Biau Piring Bedara* dan *Biau Piring Gawai Tuah* menggunakan laungan 'O ha!' manakala *Biau Piring* menggunakan bilangan. Bertabik pula ialah ucapan hormat dengan menggunakan ayam sebagai lambang. Seterusnya diikuti oleh pengenalan diri melalui warisan tradisi. Bahagian isi puisi *biau* menunjukkan penggunaan lapisan bahasa tujuan, seruan, persembahan sajian (*piring*) dan suruhan. Tujuan dinyatakan secara langsung dan tidak langsung


dalam puisi *biau*. Seruan pula untuk menyeru *Petara* (dewa-dewi), entiti dan roh serta orang ramai yang hadir dalam ritual. Persembahan sajian (*piring*) turut dinyatakan dalam semua *biau* yang dikaji. Lapisan bahasa suruhan pula merupakan permohonan kepada *Petara* (dewa-dewi) untuk menunaikan permintaan mereka. Pada bahagian penutup, terdapat lapisan bahasa doa restu. *Lemambang* memohon agar kehidupan masyarakat Iban direstui melalui kesejahteraan, kekayaan, kesihatan dan umur yang panjang.

Unsur Metafora dalam Biau

Pelbagai unsur metafora yang digunakan oleh *Lemambang* (pengamal ritual) semasa melafazkan puisi invocasi *biau* (doa) dalam persembahan sajian (*piring*). Antara unsur yang terdapat dalam kajian ini ialah unsur flora dan fauna, benda bukan hidup dan alam semula jadi. Kesemua unsur ini digunakan sebagai lambang atau simbol untuk menyatakan warisan tradisi, kehadiran entiti atau roh, persembahan sajian (*piring*), jenis ayam, kekuatan ayam, perwatakan tetamu yang hadir ke persembahan sajian (*piring*) dan keindahan alam. Rajah 2 merupakan

Jadual 3
Lapisan bahasa dalam bahagian penutup puisi tradisional Biau

Lapisan Bahasa	Biau	Contoh
Doa restu	<i>Biau</i>	<i>Nya alai gayu guru kita ngaduka semua pengawa pemansang</i>
	<i>Piring Bedara</i>	(Terjemahan: Oleh itu, sihat umur panjang kalian yang mengadakan semua perkara menuju kemajuan) <i>Betampung-tampung nyentukka pengujung nadai ke timpang</i> (Terjemahan: Bersambung-sambung sehingga ke penghujung tanpa cacat cela)
	<i>Biau</i>	<i>Ambika kami bulih pengelantang bulih penyenang</i>
	<i>Piring</i>	(Terjemahan: Supaya kami mendapat kesejahteraan mendapat kesenangan)
	<i>Gawai</i>	<i>Ambika kami betuchung baka bukit bekebung baka langit</i>
	<i>Tuah</i>	(Terjemahan: Supaya kami tinggi umpama bukit luas umpama langit) <i>Tediri pegari nyadi raja nyarak tampak</i> (Terjemahan: Berdiri menyerlah menjadi raja di sebalik terang) <i>ambika gerai selama iya</i> (Terjemahan: Supaya sihat selamanya) <i>Chelap embap gayu guru panjai umur nguan menua</i> (Terjemahan: Sejahtera sihat umur panjang tinggal di dunia)
	<i>Biau</i>	<i>Kami ngereja pengawa piring ke seharitu ngambika kami gerai nyamai</i>
	<i>Piring</i>	(Terjemahan: Kami melakukan persembahan sajian hari ini supaya kami sihat sejahtera) <i>Lantang senang gayu guru</i> (Terjemahan: Selesa senang sihat walafiat) <i>Sida ke bisi pengawa</i> (Terjemahan: Mereka yang bekerja) <i>Ngambi ka pangkat sida nambah ari ke udah</i> (Terjemahan: Agar pangkat mereka bertambah dari sebelumnya) <i>Gaji besai ari selama</i> (Terjemahan: Gaji besar dari sebelumnya) <i>Ngambika kitai sama gayu guru</i> (Terjemahan: Supaya kita sama sihat) <i>Gerai nyamai</i> (Terjemahan: Sihat sejahtera) <i>Sama-sama nuju jalai pemansang</i> (Terjemahan: Bersama menuju ke arah kemajuan)



Rajah 2. Unsur metafora dalam puisi tradisional Biau

penerangan unsur metafora dalam *biau* dan penggunaan unsur tersebut dalam metafora. Manakala, Jadual 4 menunjukkan contoh metafora yang mempunyai unsur-unsur tersebut.

Warisan Tradisi. Sebelum membuat permohonan, pengamal membuat pendakwaan diri dengan menyatakan mereka mewarisi amalan *sampi* mengikut adat secara tradisi yang diturunkan daripada nenek moyang zaman berzaman. *Lemambang* menggunakan unsur flora dan fauna seperti paku-pakis dan pucuk tumbuhan berdaun. Gaya metafora langsung atau perbandingan yang menyebut dua hal berbeza tanpa menggunakan kata-kata perbandingan kepada unsur alam dan bukan alam (Deignan, 2005). Contoh metafora tersebut seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.

Kehadiran Entiti atau Roh. Persembahan sajian (*piring*) diiringi dengan lafaz *biau* bertujuan menjemput *Petara* (dewa-dewi) serta entiti dan roh supaya turut serta dalam persembahan tersebut. Metafora atau bahasa kiasan juga dapat memberi gambaran makna tersirat tentang sifat manusia (Aini Karim & Muhamad Fadzllah Zaini, 2017). Oleh itu, pengamal *biau* menggunakan metafora yang berunsurkan flora dan fauna untuk mewakili entiti atau roh dan kesaktian mereka berdasarkan Jadual 5.

Persembahan Sajian (*Piring*). Metafora juga digunakan untuk menyampaikan persembahan sajian (*piring*) yang disediakan semasa mengamalkan *biau*. Ritual dilakukan agar *Petara* (dewa-dewi) memberikan perlindungan sepanjang perjalanan mereka mencari kekayaan dan kebahagiaan (Derek, 1970). Oleh itu, masyarakat Iban membuat persediaan bahan yang digunakan sebelum

Jadual 4
Unsur metafora warisan tradisi

Unsur	Contoh unsur	Contoh penggunaan unsur dalam <i>biau</i>
flora dan fauna	Paku pakis	<i>Nyulur mih aku tu baka paku ke tumbuh enda dibaja,</i> (Terjemahan: Suburlah aku seperti paku-pakis yang tumbuh tidak dibaja)
	Pucuk tumbuhan berdaun	<i>Besumbuk mih aku tu baka kantuk daun rinda,</i> (Terjemahan: Tumbuh pucuk berdaun lebat)

Jadual 5
Unsur metafora kehadiran entiti atau roh

Unsur	Contoh unsur	Contoh penggunaan unsur dalam <i>biau</i>
Flora dan fauna	Pinang	<i>Dara meraya kumang Melisa bunsu leka pinang belubang</i> (Terjemahan: Dara manja Dewi Melisa ratu buah pinang berlubang)
	Ayam kepayang	<i>Endu Tematu Tali betabu bunsu telu indu manuk kepayang</i> (Terjemahan: Entiti Tematu Tali bergulung ratu telur ayam kepayang)
	Sirih	<i>Bunsu sirih siduk betumbuk pun takang</i> (Terjemahan: Ratu sirih segala sirih mejalari pokok)

persembahan sajian sehingga mengibaratkan persembahan tersebut sebagai nasi pulut, bertih padi dan kuih. Unsur ini merupakan benda bukan hidup kerana berbentuk makanan. Metafora melambangkan sajian yang telah sedia untuk dipersembahkan kepada *Petara* (dewa-dewi) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jenis Ayam. Bagi masyarakat Iban, ayam jantan dipercayai dapat menghindari malapetaka dan mimpi buruk atau *omen*. Masyarakat Iban juga percaya ayam yang pelbagai jenis mempunyai kuasa luar biasa

dan kekuatan berbeza. Hal ini demikian kerana, masyarakat Iban mempunyai pengalaman dalam aktiviti laga ayam. Oleh itu, mereka dapat mengetahui pelbagai jenis ayam yang sesuai digunakan semasa melafazkan *biau*. Penggunaan unsur alam dipercayai mempunyai hubungan erat antara alam sekeliling iaitu melalui konsep flora dan fauna (Muhamad Fadzllah Zaini, 2015). Pelbagai jenis ayam yang membawa maksud berbeza digunakan seperti ayam jantan putih, ayam jantan serama pelbagai warna dan ayam sabung jantan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 6

Unsur metafora persembahan sajian (piring)

Unsur	Contoh unsur	Contoh penggunaan unsur dalam biau
Benda bukan hidup	Nasi pulut, bertih padi	<i>Piring pulut piring letup</i> (Terjemahan: Sajian nasi pulut bertih padi)
	Kuih-muih	<i>Piring penganan piring penyaram</i> (Terjemahan: Sajian kuih penganan kuih penyaram).

Jadual 7

Unsur metafora jenis ayam

Unsur	Contoh unsur	Contoh penggunaan unsur dalam biau
Flora dan fauna	Ayam jantan putih	<i>Manuk labang sematung tapang</i> (Terjemahan: Ayam jantan yang bulunya semua putih)
	Ayam jantan serama/ pelbagai warna	<i>Manuk jelayan manuk ensiriban</i> (Terjemahan: Ayam jantan berbulu hitam keperangan) <i>Manuk papit manuk kunchit</i> (Terjemahan: Ayam jantan bercorak hitam keperangan dan putih) <i>Manuk engkechung manuk tuntung</i> (Terjemahan: Ayam berbulu hitam bercampur putih) <i>Manuk banda manuk bekaka</i> (Terjemahan: Ayam berbulu putih bercampur coklat) <i>selanjau manuk tawai tu</i> (Terjemahan: Ayam sabung jantan ini)
	Ayam jantan sabung	<i>selanjau manuk sabung</i> (Terjemahan: Ayam sabung jantan) <i>selanjau manuk tuntung iku bekelapung</i> (Terjemahan: Ayam jantan sabung berekor hitam putih) <i>manuk biring manuk menaning</i> (Terjemahan: Ayam jantan tiada cela)

Kekuatan Ayam. Ayam yang digunakan dalam ritual *biau* juga digambarkan oleh metafora. Unsur benda bukan hidup dan alam semula jadi digunakan bagi menyatakan kekuatan ayam tersebut. Metafora tentang kekuatan ayam ini dibentuk atas faktor persekitaran kognitif dan pengalaman yang berbeza dari aspek budaya dan adat resam (Rozaimah Rashidin, 2015). Justeru, masyarakat Iban yang menggambarkan kekuatan ayam semasa persembahan sajian (*piring*) telah mewujudkan kepelbagaian unsur iaitu benda bukan hidup dan alam semula jadi metafora dalam penyampaian struktur *biau*. Contoh metafora tersebut ditunjukkan pada Jadual 8.

Perwatakan Tetamu yang Hadir. Tradisi lisan masyarakat Iban amat menitikberatkan kepercayaan (Masing, 1981; Sandin, 1980). Persembahan sajian (*piring*) diadakan untuk menghubungkan orang Iban dengan *Petara* (Anom, 2014). Manusia mempunyai gambaran kosmos atau alamnya sendiri mengikut kepercayaan yang diperturunkan dari zaman nenek moyang (Asmah Omar, 2012). Begitu juga dengan masyarakat Iban yang percaya tentang kewujudan kosmos kepada *Petara* melalui persembahan

sajian (*piring*). *Petara* dalam budaya orang Iban mempunyai hubungan dengan fenomena alam yang mempunyai fungsi dan kuasa mengikut hubungannya dengan manusia (Derek, 1970). Pengamal ritual menggambarkan perwatakan tetamu yang datang dengan metafora yang membawa maksud memuji kelengkapan dan persediaan tetamu yang hadir dalam ritual *biau*. Metafora ini dapat dilihat melalui Jadual 9.

Keindahan Alam. *Petara* (dewa-dewi) dalam budaya orang Iban mempunyai hubungan dengan fenomena alam yang terdiri daripada burung, tanah, air, dan pokok (Derek, 1970). Unsur alam semula jadi digunakan oleh *Lemambang* (pengamal ritual) untuk menggambarkan sesuatu perkara di samping mengindahkan bahasa yang digunakan semasa menyampaikan *biau*. Pengamal *biau* menyatakan keindahan alam membawa maksud keindahan alam sekeliling di bumi dan di dunia *Petara*. Keindahan alam ini disampaikan kepada tetamu untuk menunjukkan ritual *biau* dan permintaan mereka direstui. Keindahan alam tersebut berunsurkan flora, fauna dan alam semula jadi seperti yang ditunjukkan pada Jadual 10.

Jadual 8
Unsur metafora kekuatan ayam

Unsur	Contoh unsur	Contoh penggunaan unsur dalam <i>biau</i>
Benda bukan hidup	Besi	<i>Peda kita bulu manuk ke dipegai aku tu nyau nyelalai iku beiku besi</i> (Terjemahan: Lihatlah bulu ayam yang kupegang ini aneh sekali ekornya berekor besi)
	Kelabu melambai-lambai	<i>Iku manuk kelabu nyau merundu umba rumbai</i> (Terjemahan: Ekor ayam kelabu melambai-lambai)
Flora dan fauna (anggota badan)	Leher	<i>Peda bulu manuk pipit antu chukup lagu ngarungka rekung</i> (Terjemahan: Lihatlah bulu ayam pipit hantu cukup indah menyeliputi leher).

Jadual 9

Unsur metafora perwatakan tetamu yang hadir

Unsur	Contoh unsur	Contoh penggunaan unsur dalam <i>biau</i>
Benda bukan hidup	Baju kemeja	<i>dada udah dijala kemija baju bungai</i> (Terjemahan: Dada sudah dijala baju kemeja berbunga)
	Sarang pinang	<i>raban pengendang sarang pinang</i> (Terjemahan: Kumpulan pembawa gendang sarang pinang)
	Tanduk topi	<i>Kita nya agi tinggi di suli tanduk labung</i> (Terjemahan: Kalian lebih tinggi dari tanduk topi)
	Atap	<i>kita nya di awak panau pabung</i> (Terjemahan: Kalian di puncak atap)
Alam semula jadi	Air terjun	<i>Embing bunsu telanjing datai ari tekenching panchur wong</i> (Terjemahan: Dipimpin ratu sungai datang dari air terjun)

Jadual 10

Unsur metafora keindahan alam

Unsur	Contoh unsur	Contoh penggunaan unsur dalam <i>biau</i>
Flora dan fauna, alam semula jadi	Pokok ketapang	<i>baka lamba tapang mikai</i> (Terjemahan: Seperti pohon ketapang besar)
	Hulu sungai	<i>Tumbuh di entigis ulu sungai benyawa rengai-rengai</i> (Terjemahan: Tumbuh di hulu sungai berbunyi nyaring)
	Musang hutan, air terjun	<i>munyi nyawa enturun ruding tekenching panchur wong</i> (Terjemahan: Bunyi suara musang hutan ibarat deruan air terjun)
	Ular	<i>sawa tampung tedung</i> (Terjemahan: Sawa separuh tedung)
	Bintang	<i>kebung pagar bintang</i> (Terjemahan: Luas dipagar bintang)
	Bulan purnama	<i>penama bulan kembung</i> (Terjemahan: Bulan purnama penuh)
	Bunga keembung	<i>letup penangkap bungai kejumpang</i> (Terjemahan: Penutup tudung bunga keembung)
	Bukit	<i>tuchung rabung bukit Lingga</i> (Terjemahan: Puncak tertinggi Bukit Lingga)
	Bukit, langit	<i>betuchung baka bukit bekebung baka langit</i> (Terjemahan: Tinggi seperti bukit luas seperti langit)
	Lebah	<i>tekusai munyi maning</i> (Terjemahan: Bertempiran bunyi lebah)

Kesimpulannya, puisi *biau* banyak menggunakan unsur flora dan fauna, benda bukan hidup dan alam semula jadi dalam pembentukan metafora. Unsur flora dan fauna lebih banyak digunakan dalam menyatakan warisan tradisi, jenis ayam dan kekuatan ayam. Benda bukan hidup terdiri daripada bahan buatan yang digunakan

dalam kehidupan masyarakat Iban. Unsur tersebut digunakan untuk menyatakan persembahan sajian (*piring*). Manakala gabungan kesemua unsur digunakan untuk menyatakan perwatakan tetamu yang hadir. Unsur alam semula jadi juga digunakan bagi memuji keindahan alam yang terdapat dalam puisi *biau*.

PERBINCANGAN

Kajian mendapati struktur lapisan bahasa yang terdapat dalam puisi invocasi *biau* merangkumi tiga aspek utama iaitu pengenalan, isi dan penutup. Dapatan kajian juga menyokong teori linguistik kognitif yang melihat bahawa bahasa merupakan suatu lambang kepada sesebuah struktur bahasa untuk menyampaikan makna tertentu. Terdapat tujuh aspek yang membentuk struktur dalam puisi *biau* (doa) seperti seruan pembukaan, bertabik, pengenalan diri, tujuan, seruan, persembahan sajian (*piring*), suruhan dan doa restu. Bahagian pengenalan merangkumi seruan permulaan, bertabik dan pengenalan diri. Manakala, bagi bahagian isi pula termasuk tujuan, seruan, persembahan sajian (*piring*) dan suruhan. Pada bahagian penutup pula ialah doa restu.

Struktur dalam *biau* hampir sama dengan puisi invocasi *sampi* yang telah dinyatakan oleh Banseng et al. (2021). Persamaan ini boleh dilihat berdasarkan lapisan bahasa yang digunakan pada setiap bahagian utama puisi. Namun demikian, puisi invocasi *biau* lebih mengutamakan ayam dan sajian (*piring*) kerana ayam dan persembahan sajian itu adalah perlu semasa upacara tersebut dilaksanakan.

Teori Linguistik Kognitif menyentuh tentang gaya bahasa yang pelbagai untuk menyampaikan sesuatu perkara melalui percakapan lisan (Lakoff & Johnson, 1980). Bagi Aini Karim dan Muhamad Fadzllah Zaini (2017) pula, struktur bahasa digunakan untuk memberi gambaran makna tersirat. Namun demikian, pembentukan

kata-kata dan ayat mempunyai hubungan dengan makhluk ghaib (Haron Daud, 2001). Selari dengan itu, Haron Daud menyatakan setiap pelafazan teks puisi tradisional digunakan untuk menyatakan sesuatu atau menyampaikan tujuan. Dapatan tersebut selari dengan kajian oleh Nurul Aminah Basharuddin dan Hasnah Mohamad (2014) yang mendapati puisi tradisional mempunyai lapisan bahasa yang pelbagai untuk menyampaikan mesej kepada orang lain. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, pemikiran seseorang dapat digambarkan melalui karya seni perlambangan bahasa secara lisan dan bertulis.

Setiap struktur yang terdapat dalam puisi invocasi *biau* memperlihatkan keindahan bahasa kiasan atau metafora untuk menyampaikan mesej dalam puisi tradisional masyarakat Iban. Metafora tersebut menjadikan *biau* lebih menarik dan menunjukkan kesopanan kepada *Petara* (dewa-dewi) (Banseng & Sandai, 2017). Unsur yang membentuk metafora dalam puisi *biau* berlandaskan unsur flora dan fauna, benda bukan hidup dan alam semula jadi seiring dengan kehidupan dan budaya tradisi masyarakat Iban. Sehubungan itu, dalam Teori Linguistik Kognitif turut menyentuh tentang gaya bahasa yang pelbagai bagi menyampaikan sesuatu perkara melalui percakapan lisan. Antara lain ialah struktur metafora daripada domain sumber ke domain sasaran (Lakoff & Johnson, 1980). Sistem konseptual dalam metafora pula dapat memberi perlambangan kepada sesuatu objek atau perkara melalui ungkapan bahasa (Croft & Cruse, 2004).

Fungsi kognitif metafora ialah gaya bahasa kiasan langsung atau perbandingan yang menyebut dua hal berbeza tanpa menggunakan kata-kata perbandingan kepada unsur alam dan bukan alam (Deignan, 2005). Justeru, unsur metafora digunakan sebagai medium untuk meluahkan perasaan, perbandingan sifat atau perlakuan dan tingkah laku manusia (Muhamad Fadzllah Zaini, 2015). Mohamad Midiyana dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2015) menyatakan unsur metafora menjadi bahasa ungkapan kepada penulis atau pengarang dalam beberapa hasil karya sastera kerana setiap bahasa mempunyai sistem tersendiri. Dalam pada itu, dapatan kajian ini turut menyokong ideologi Siti Norashikin Mohd Khalidi et al. (2017), bahawa unsur bahasa kiasan merupakan kaedah, gaya dan kebijaksanaan untuk menyampaikan idea. Oleh itu, penggunaan unsur yang terdapat dalam kajian ini saling berkaitan dengan alam sekeliling pengamal *biau*. Unsur-unsur ini digunakan untuk menyatakan warisan tradisi, kehadiran entiti atau roh, persembahan sajian (*piring*), jenis ayam, kekuatan ayam, perwatakan tetamu bahasa kiasan yang dikenal pasti dalam struktur *biau*.

Pelafazan puisi invokasi *biau* oleh *Lemambang* mempunyai hubungan dengan kuasa ghaib selaras dengan gambaran kosmos atau alamnya sendiri mengikut kepercayaan yang diperturunkan dari zaman nenek moyang (Asmah Omar, 2012). Begitu juga dengan masyarakat Iban yang percaya tentang kewujudan kosmos kepada *Petara* (dewa-dewi) melalui persembahan sajian

(*piring*). Persembahan sajian (*piring*) dilakukan untuk menyampaikan pelbagai tujuan kepada *Petara*. Melalui upacara *miring*, gambaran tentang kosmos dapat dihubungkan dengan persembahan sajian yang diamalkan oleh masyarakat Iban (Zeppel, 1994). *Petara* dalam budaya masyarakat Iban mempunyai hubungan dengan fenomena alam yang terdiri daripada burung, tanah, air, dan pokok. Setiap *Petara* mempunyai fungsi dan kuasa mengikut hubungannya dengan manusia (Derek, 1970).

KESIMPULAN

Struktur bahasa menjadi suatu lambang untuk mewujudkan makna kepada puisi invokasi *biau*. Pengertian dalam puisi invokasi *biau* ini dilambangkan seperti mantera iaitu terdapat kerangka binaan termasuklah permulaan, bertabik, pernyataan atau pendakwaan diri, seruan, suruhan dan penutup (Haron Daud, 2001). Dapatan tersebut selari dengan kajian yang dilakukan oleh Nurul Aminah Basharuddin dan Hasnah Mohamad (2014) yang mendapati puisi tradisional mempunyai lapisan bahasa yang pelbagai untuk menyampaikan mesej kepada orang lain. Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa, pemikiran seseorang digambarkan melalui karya seni perlambangan bahasa secara lisan dan bertulis.

Penyampaian maklumat dapat memperlihatkan pembentukan metafora sebagai wahana pemikiran dan kognitif seseorang yang diluahkan melalui bahasa pengucapan (Saidatul Nornis Mahali &

Mohd. Rasdi Saamah, 2013; Wong, 2013). Dalam puisi invocasi *biau*, unsur yang membentuk metafora berasaskan alam sekeliling. *Lemambang* (pengamal ritual) menggunakan flora dan fauna, benda bukan hidup dan alam semula jadi sebagai lambang kepada makna yang ingin disampaikan melalui puisi invocasi *biau*. Setiap unsur yang digunakan oleh *Lemambang* menjadi medium menyampaikan perasaan kepada *Petara* dan menyokong pendapat Muhamad Fadzllah Zaini (2015) yang menyatakan metafora sebagai medium untuk meluahkan perasaan, perbandingan sifat atau perlakuan dan tingkah laku manusia. Selain itu, penggunaan unsur alam menggambarkan hubungan erat antara alam sekeliling melalui konsep benda hidup iaitu flora dan fauna. Oleh hal yang demikian, masyarakat Iban masih mempercayai bahawa terdapat hubungan antara alam sekeliling dengan kehidupan seharian mereka.

Sebagai rumusan, kajian ini berupaya menjadi panduan kepada pengamal dalam melafazkan puisi invocasi *biau* tanpa merujuk kepada pakar. Pengamalan melafazkan puisi invocasi *biau* dalam kehidupan seharian dapat menjadi panduan kepada masyarakat Iban, khususnya dalam aspek pengetahuan dan pemahaman tentang penyampaiannya. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberi impak positif terhadap usaha memelihara dan mengekalkan adat serta tradisi turun temurun dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Generasi muda juga dapat menimba pengetahuan baharu dan mengasah kepakaran sedia ada pengamal ritual dalam melafazkan puisi tradisional.

PENGHARGAAN

Ribuan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Rosline Sandai dan Puan Saripah Banseng kerana telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Ucapan terima kasih juga kepada Encik Baring Anak Nuing yang telah membantu saya membuat terjemahan dan mentafsir istilah dalam teks puisi invocasi *biau*.

RUJUKAN

- Aini Karim, & Muhamad Fadzllah Zaini. (2017). Analisis metafora konsepsi kemuliaan manusia dalam syair nasihat nukilan Sultan Haji Omar "Ali Saifuddin Sa"Adul Khairi Waddien, Sultan Negara Brunei Darussalam ke – 28: Perspektif awalan semantik kognitif. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 5(1), 1-16.
- Akastangga, M. D. B. (2020). Metafora dalam *Tarjuman Al-Ashwaq* karya Ibnu 'Arabi (Kajian Semiotik Pragmatik). *Jurnal Linguistik, Sastra, dan Pendidikan*, 5(1), 27-46.
- Aminnudin Saimon, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 37-74. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol10.5.2019>
- Anom, S. B. (2014). *Iban culture & traditions: The pillars of the community's strength*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Asmah Omar. (1981). *Iban language of Sarawak: Grammatical description*. Pustaka Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Omar. (2005). Budaya dan bahasa kiasan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 3, 1-13. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/3371>

- Asmah Omar. (2012, November 19). *Kosmos dalam cerita rakyat Iban* [Kertas pembentangan]. Simposium Bahasa dan Budaya Iban dan Foklor Borneo / Kalimantan November 2012, Kuching, Sarawak, Malaysia.
- Banseng, S., & Sandai, R. (2017). Unsur bahasa kiasan metafora dalam sampi Iban. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 116-121. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.12.2017>
- Banseng, S., Sandai, R., Handrianto, C., & Rasool, S. (2021). Language of strata and expression in construction of sampi amongst Iban community in Malaysia. *International Journal of Education, Information Technology, and Others*, 4(3), 417-427. <https://doi.org/10.5281/zenodo.5169017>
- Buma, M. (1987). *Iban customs & traditions*. Sarawak Dayak Iban Association.
- Cameron, L., & Low, G. (1999). *Researching and applying metaphor*. Cambridge University Press.
- Croft, W., & Cruse, D. A. (2004). *Cognitive linguistics*. Cambridge University Press.
- Deignan, A. (2005). *Metaphor and corpus linguistic*. John Benjamin Publishing Company.
- Derek, J. F. (1970). *Report on Iban. Monographs on Social Anthropology* (Revised ed.). Routledge.
- Evans, V., & Green, M. (2006). *Cognitive linguistics an introduction*. Edinburgh University Press Ltd.
- Haron Daud. (2001). *Mantera Melayu: Analisis pemikiran*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Indaty, N., Harun, M., & Subhayni, S. (2018). Analisis struktur lahir dan fungsi puisi lisan pada tradisi manoe pucôk. *JIM Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 3(3), 264-272. <http://www.jim.unsyiah.ac.id/pbsi/article/view/9822>
- Jabu, E. (1989). Historical perspective of Iban. *Sarawak Museum Journal*, 61, 21-32.
- Keris Mas. (1988). *Perbincangan gaya bahasa sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). Conceptual metaphor in everyday language. *The Journal of Philosophy*, 77(8), 453-486. <https://doi.org/10.2307/2025464>
- Masing, J. J. (1981). *The coming of the gods*. Australian National University.
- Mohamad Midiyana, & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2015). Anafora dalam teks ilmiah: Pendekatan analisis kontrastif. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 15(2), 137-150. <https://doi.org/10.17576/gema-2015-1502-09>
- Muhamad Fadzllah Zaini. (2015). *Analisis pemetaan metafora unsur flora dan fauna dalam pantun Melayu: Satu tinjauan awal*. Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam.
- Nurul Aminah Basharuddin, & Hasnah Mohamad. (2014). Interpretasi pantun daripada perspektif semiotik. *Jurnal Linguistik*, 18(1), 1-9. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/28/23>
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode* (Edisi Kedua). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozaimah Rashidin. (2015). Metafora konsepsi MARAH dalam data korpus teks tradisional Melayu. *Jurnal Linguistik*, 19(1), 29-47. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/119/105>
- Saidatul Nornis Mahali, & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang semai. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 13(1), 83-98.
- Saleh, R. M., & Ensiring, J. (2001). *Sampi enggau biau*. Tun Jugah Foundation. Kuching.
- Sandai, R. (2015, Mei 27). *Survey on problems faced by Iban language secondary school teachers* [Kertas pembentangan]. Persidangan

- Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu dalam Penyelidikan Bidang Bahasa dan Sastra: Melestarikan Dunia Pendidikan Global, Gorthe-Universitat Frankfurt, Frankfurt, Jerman.
- Sandai, R., Che Ton Mahmud, & Sandai, D. (2019). An integrated pedagogy for teaching sung & chanted Iban traditional poems (leka main). *Journal of Interactive Learning Research*, 30(3), 301-326. <https://www.learntechlib.org/primary/p/178204/>
- Sandin, B. (1980). *Iban adat and augury*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Showren, T. (2014). Oral traditions: Method to adoption of construction of the history of non-literate tribes. *International Journal of Social Science and Humanity*, 4(6), 78-481. <https://doi.org/10.7763/ijssh.2014.v4.402>
- Siti Norashikin Mohd Khalidi, Nor Azuwan Yaakob, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Makna siratan bahasa figuratif dalam cerpen Melayu karya Lim Swee Tin. *Journal of Business and Social Development*, 5(2), 75-94. <https://jbsd.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2017/09/9-Makan-Siratan.pdf>
- Wong, S. H. (2013). Bahasa figuratif sebagai wahana pemikiran: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 39-63. <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8142/3655>
- Yadafle, R. I., Putra, Y. Y., & Hafid, A. (2020). Analisis gaya bahasa puisi K. H. Mustofa Bisri dalam *Album Membaca Indonesia*. *Jurnal Kalimuan Bahasa, Sastra dan Pengajarannya*, 1(1), 41-55.
- Zeppel, H. D. (1994). *Authenticity and the Iban: Cultural tourism at Iban longhouses in Sarawak, East Malaysia* [Doctoral dissertation, James Cook University]. <https://researchonline.jcu.edu.au/27869/>

